



TOPIK 2 : TARAF MASTATUTIN (INDIVIDU)

2.0 PENGENALAN

- Penentuan taraf mastautin untuk maksud pencukaaian adalah bergantung kepada tempoh seseorang itu tinggal di negara ini tanpa mengambilkira kewarganegaraan atau kerakyatan.



2.0 PENGENALAN

- Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) yang berkaitan dengan taraf mastautin ini adalah seksyen 7 dan subseksyen 7 (1B).



Perenggan
7(1)(a)

Perenggan
7(1)(b)

Perenggan
7(1)(c)

Perenggan
7(1)(d)



Taraf Mastautin

PEMASTAUTIN

Dikenakan cukai ke atas semua pendapatan yang diperolehi dari sumber di Malaysia.


Dikenakan cukai ke atas semua pendapatan yang diperolehi dari luar Malaysia.

BUKAN PEMASTAUTIN

Hanya pendapatan yang bersumber/diperolehi di Malaysia sahaja dikenakan cukai.

Pendapatan luar Malaysia yang dibawa masuk (diremit) tidak dikenakan cukai.





Pemastautin yang mempunyai pendapatan penggajian melebihi RM26,501 (selepas potongan KWSP), perlu mendaftar fail cukai pendapatan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

2.1 KEPENTINGAN TARAF MASTAUTIN INDIVIDU

- Pengiraan cukai seseorang individu yang bermastautin dan yang tidak bermastautin adalah berbeza.



ISU	PEMASTAUTIN	BUKAN PEMASTAUTIN
Kadar Cukai	Kadar cukai bertingkat.	Kadar cukai adalah tetap dan berdasarkan kepada jenis-jenis pendapatan.
Skop Pengeunaan Cukai	Mulai tahun taksiran 2004, pendapatan yang diterima di Malaysia dari luar Malaysia adalah dikecualikan daripada cukai.	



ISU	PEMASTAUTIN	BUKAN PEMASTAUTIN
Rebat Cukai	Rebat Cukai Pendapatan Bagi Individu Yang Mempunyai Pendapatan Bercukai Kurang Daripada RM35,000.	Tidak layak menuntut rebat cukai.
Pelepasan Cukai	Diberikan seperti pelepasan diri, isteri, anak dan lain-lain lagi.	Tiada layak menuntut pelepasan cukai .

Perenggan
7(1)(a)



Taraf Mastautin

2.2 TARAF MASTAUTIN – PERENGGAN 7(1)(a) ACP1967


Di Malaysia untuk
182 hari atau lebih
dalam suatu tahun
asas.



2.2 TARAF MASTAUTIN – PERENGGAN 7(1)(a) ACP1967

- Jika individu berada di Malaysia dalam tahun asas untuk suatu tahun taksiran bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah 182 hari atau lebih, individu itu adalah bermastautin di Malaysia untuk tahun asas itu.





○ Contoh 2.1:

○ Augustin, penyelidik vitikultur dari Australia berada di Malaysia untuk menjalankan projek penyelidikan.

Tempoh beliau berada di Malaysia adalah seperti berikut:

Tempoh Tinggal Di Malaysia	Bilangan Hari
01/03/2010 – 30/09/2010	214





- Situasi tadi diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2010		
Australia	Malaysia	Australlia
59 hari	214 hari	92 hari

↓
1/3/2010



↓
30/9/2010

Pemastautin (>182 hari)

- Augustin bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk tahun taksiran 2010 sebab beliau berada di Malaysia untuk tempoh yang melebihi 182 hari dalam tahun 2010.





○ Contoh 2.2:

○ Angeline, seorang pengaturcara komputer bebas yang berbakat dari Amerika Syarikat (USA) berada di Malaysia untuk menjalankan kerja kontrak bagi sebuah syarikat multinasional. Tempoh beliau berada di Malaysia adalah seperti berikut:

Tempoh Tinggal Di Malaysia	Bilangan Hari
01/03/2010 – 30/06/2010	122
01/08/2010 – 30/09/2010	61
JUMLAH HARI	183



Tempoh berada di Malaysia
tidak semestinya hari yang
berturutan.





○ Contoh 2.3:

- Anil, seorang peniaga dari Pakistan berada di Malaysia untuk mempromosikan penjualan produknya di suatu pesta perdagangan antarabangsa di Kuala Lumpur. Tempoh beliau berada di Malaysia adalah seperti berikut:

Tempoh Tinggal Di Malaysia	Bilangan Hari
01/10/2010 – 31/10/2010	31





- Situasi tadi diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2010		
Pakistan	Malaysia	Pakistan
273 hari	31 hari	61 hari


1/10/2010

31/10/2010

Bukan Pemastautin (<182 hari)

- Anil bukan pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk tahun taksiran 2010 sebab tempoh beliau berada di Malaysia kurang daripada 182 hari dalam tahun 2010.





Perenggan
7(1)(b)

Taraf Mastautin

2.2 TARAF MASTAUTIN – PERENGGAN 7(1)(b) ACP 1967

Di Malaysia kurang
182 hari dalam
suatu tahun asas.



2.2 TARAF MASTAUTIN – PERENGGAN 7(1)(b) ACP 1967

- Jika seorang individu berada di Malaysia dalam tahun asas untuk suatu tahun taksiran tertentu bagi tempoh kurang daripada 182 hari tetapi tempoh itu bersambung dengan atau kepada:



2.2 TARAF MASTAUTIN – PERENGGAN 7(1)(b) ACP 1967

- I. Suatu tempoh 182 hari atau lebih berturut-turut di mana sepanjang tempoh itu beliau berada di Malaysia dalam tahun asas untuk tahun taksiran sebelum tahun taksiran yang tertentu itu; atau
- II. Suatu tempoh 182 hari atau lebih berturut-turut di mana sepanjang tempoh itu beliau berada di Malaysia dalam tahun asas untuk tahun taksiran berikutan tahun taksiran tertentu itu.



2.2 TARAF MASTAUTIN – PERENGGAN 7(1)(b) ACP 1967

- individu itu layak sebagai pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk tahun taksiran tertentu itu.



2.2 TARAF MASTAUTIN – PERENGGAN 7(1)(b) ACP 1967

- Dalam mengira tempoh yang kurang daripada 182 hari atau tempoh 182 hari atau lebih yang berturut-turut, kelonggaran diberi di mana tempoh ketiadaan sementara (tempoh individu tidak berada di Malaysia) boleh dianggap sebagai sebahagian daripada:
 - i) tempoh kurang daripada 182 hari; dan/atau
 - ii) tempoh 182 hari atau lebih yang berturut-turut,
- dengan syarat individu mesti berada di Malaysia sebelum dan selepas tempoh ketiadaan sementara.



2.2 TARAF MASTAUTIN – PERENGGAN 7(1)(b) ACP 1967


- Ketiadaan sementara yang dibenarkan adalah:
 - ketiadaan yang bersangkutan dengan perkhidmatan individu di Malaysia seperti menghadiri persidangan atau seminar atau belajar di luar negeri
 - ketiadaan atas sebab kesihatan individu atau ahli keluarga yang terdekat (keluarga terdekat bermaksud ibu bapa, pasangan dan anak); dan



2.2 TARAF MASTAUTIN – PERENGGAN 7(1)(b) ACP 1967

- ketiadaan berhubung lawatan sosial yang tidak melebihi 14 hari kesemuanya (lawatan sosial merangkumi sebarang bentuk percutian di luar Malaysia termasuk percutian di negara asal).





○ Contoh 2.4:

○ Benson, seorang doktor perubatan berada di Malaysia untuk memenuhi kontrak dengan sebuah hospital swasta. Tempoh beliau berada di Malaysia dan United Kingdom (UK) adalah seperti berikut:

Tempoh Tinggal	Negara	Bil. Hari	Tujuan
15/5/2009 – 23/12/2009	Malaysia	223	
24/12/2009 – 31/12/2009	UK	8	Lawatan Sosial
1/1/2010 – 2/1/2010	UK	2	Lawatan Sosial
3/1/2010 – 31/3/2010	Malaysia	88	
1/4/2010	Meninggalkan Malaysia		





- Situasi tadi diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2009		Tahun 2010		
UK	Malaysia	UK	Malaysia	UK
134 hari	223 hari	10 hari	88 hari	275 hari

24/12/2009 2/1/2010

Ketiadaan sementara

Mastautin TT 2010





- Benson adalah pemastautin di Malaysia untuk tahun taksiran 2010 disebabkan beliau berada di Malaysia selama 88 hari pada tahun 2010 (tempoh itu), yang bersambung dengan tempoh melebihi 182 hari berturut-turut dalam tahun 2009 (tempoh berkenaan), dimana sepanjang tempoh berkenaan beliau dianggap berada di Malaysia walaupun beliau tiada sementara selama 10 hari atas lawatan sosial.
- Ketiadaan sementara beliau dianggap sebahagian tempoh itu dan tempoh berkenaan kerana lawatan sosial tidak melebihi 14 hari dan beliau berada di Malaysia sebelum dan selepas ketiadaan sementara.





○ Contoh 2.5:

○ Kim, seorang rakyat Korea Selatan tiba di Malaysia pada 5.1.2010 untuk memenuhi kontrak penggajian yang berakhir pada 4.1.2011. Tempoh beliau berada di Malaysia dan Korea Selatan adalah seperti berikut:

Tempoh Tinggal	Negara	Bil. Hari
5/1/2010 – 23/12/2010	Malaysia	353
24/12/2010 – 31/12/2010	Korea Selatan	8
1/1/2011 – 4/1/2011	Korea Selatan	4





- Situasi tadi diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2010		Tahun 2011	
Malaysia	Korea Selatan	Korea Selatan	
353 hari	12 hari	361 hari	

5/1/2010 24/12/2010 4/1/2011

Bukan Pemastautin TT 2011

- Kim bukan pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk tahun taksiran 2011 sebab beliau tidak berada secara fizikal di Malaysia pada tahun 2011.





○ Contoh 2.6:


- Fakta adalah sama seperti di Contoh 2.5 kecuali Kim pulang ke Malaysia pada 4.1.2011.

Tempoh Tinggal	Negara	Bil. Hari
5/1/2010 – 23/12/2010	Malaysia	353
24/12/2010 – 31/12/2010	Korea Selatan	8
1/1/2011 – 3/1/2011	Korea Selatan	3
4/1/2011 – 6/1/2011	Malaysia	3






○ Situasi tadi diringkaskan seperti berikut:





- Kim adalah pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk tahun taksiran 2011 disebabkan beliau berada di Malaysia selama 3 hari pada tahun 2011 (tempoh itu), yang bersambung dengan tempoh melebihi 182 hari berturut-turut pada tahun 2010 (tempoh berkenaan) di mana sepanjang tempoh berkenaan beliau dianggap berada di Malaysia walaupun beliau tiada sementara selama 11 hari atas lawatan sosial.
- Ketiadaan sementara dianggap sebahagian tempoh itu dan tempoh berkenaan kerana lawatan sosial beliau tidak melebihi 14 hari dan beliau berada di Malaysia sebelum dan selepas ketiadaan sementara.





○ Contoh 2.7:

○ Hughes, seorang penyelidik dari Amerika Syarikat (USA) berada di Malaysia, Singapura dan USA

seperti berikut.


Tempoh Tinggal	Negara	Bil. Hari	Tujuan
1/12/2009 – 22/12/2009	Malaysia	22	
23/12/2010 – 28/12/2010	Singapura	6	Lawatan Sosial
29/12/2010 – 29/12/2010	Malaysia	1	
30/12/2010 – 31/12/2010	USA	2	Lawatan Sosial
1/1/2011 – 10/1/2011	USA	10	Lawatan Sosial
11/1/2011 – 31/12/2011	Malaysia	355	





○ Situasi tadi diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2009				Tahun 2010	
USA	M'sia	S'pura	M'sia	USA	M'sia
334 hari	22 hari	6 hari	1 hari	12 hari	355 hari



**Ketidadaan
sementara**

Mastautin TT 2009





- Hughes adalah pemastautin di Malaysia pada tahun asas untuk tahun taksiran 2009 disebabkan beliau berada di Malaysia selama 1 hari (29.12.2009) dalam tahun 2009 (tempoh itu), yang bersambung kepada tempoh melebihi 182 hari berturut-turut dalam tahun (tempoh berkenaan), di mana sepanjang tempoh berkenaan Hughes dianggap berada di Malaysia walaupun beliau tiada sementara selama 12 hari atas lawatan sosial.
- Ketiadaan sementara dianggap sebahagian tempoh itu dan tempoh berkenaan kerana lawatan sosial tidak melebihi 14 hari dan Hughes berada di Malaysia sebelum dan selepas ketiadaan sementara.





○ Contoh 2.8:

○ Takayama, seorang profesor universiti dari negara Jepun memulakan penggajiannya pada 10.9.2009 di universiti tempatan di Malaysia. Tempoh beliau berada di Malaysia dan Jepun adalah seperti berikut:

Tempoh Tinggal	Negara	Bil. Hari	Tujuan
10/9/2009 – 14/12/2009	Malaysia	96	
15/12/2009 – 31/12/2009	Jepun	17	Lawatan Sosial
1/1/2010 – 3/1/2010	Jepun	3	Lawatan Sosial
4/1/2010 – 31/12/2010	Malaysia	362	





○ Situasi tadi diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2009		Tahun 2010	
Jepun	Malaysia	Jepun	Malaysia
252 hari	96 hari	20 hari	362 hari

15/12/2009

3/1/2010

Lawatan Sosial (>14 hari)


**Bukan mastautin TT
2009**





- Takayama adalah bukan pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk tahun taksiran 2009 disebabkan beliau berada di Malaysia hanya selama 96 hari pada tahun 2009 dan tempoh itu tidak bersambung kepada tempoh yang lebih daripada 182 hari pada tahun 2010 memandangkan lawatan sosialnya melebihi 14 hari.





Perenggan
7(1)(c)

Taraf Mastautin

2.2 TARAF MASTAUTIN – PERENGGAN 7(1)(c) ACP 1967

Di Malaysia untuk
90 hari atau lebih.



2.2 TARAF MASTAUTIN – PERENGGAN 7(1)(c) ACP 1967


- Jika seorang individu berada di Malaysia dalam tahun asas untuk tahun taksiran tertentu bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah 90 hari atau lebih (tidak perlu hari yang berturut-turut), individu adalah pemastautin untuk tahun taksiran tertentu itu jika pada setiap mana-mana 3 daripada 4 tahun taksiran sebelum sahaja tahun taksiran tertentu itu beliau:



2.2 TARAF MASTAUTIN – PERENGGAN 7(1)(c) ACP 1967

- i) adalah pemastautin mengikut seksyen 7 ACP 1967;
atau
- ii) berada di Malaysia untuk tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah 90 hari atau lebih.





○ Contoh 2.9:

- Jemina, seorang pengarah pengiklanan berada di Malaysia untuk tempoh berikut:

Tahun	Tempoh Tinggal	Bil. Hari
2006	1/5/2006 – 23/11/2006	207
2007	1/5/2007 – 20/5/2007	20
2008	1/1/2008 – 30/9/2008	274
2009	1/3/2009 – 30/10/2009	244
2010	1/1/2010 – 2/2/2010	51 }
	1/4/2010 – 31/5/2010	61 } 112 hari





- Taraf mastautin Jemina adalah seperti berikut:

Tahun	Bil. Hari	Taraf Mastautin	Perenggan
2006	207	Mastautin	7(1)(a) ACP 1967
2007	20	Bukan Mastautin	
2008	274	Mastautin	7(1)(a) ACP 1967
2009	244	Mastautin	7(1)(a) ACP 1967
2010	211	Mastautin	7(1)(c)(i) ACP 1967





○ Untuk tahun asas 2010, Jemina adalah pemastautin di Malaysia mengikut subperenggan 7(1)(c)(i) ACP 1967 sebab :

- beliau berada di Malaysia untuk tempoh-tempoh yang berjumlah lebih 90 hari dalam tahun asas 2010 (112 hari); dan
- untuk 3 daripada 4 tahun asas sebelum, beliau adalah pemastautin mengikut seksyen 7 ACP 1967 (tahun asas 2006, 2008 dan 2009).





○ Contoh 2.10:

○ Watson, seorang pemuzik berada di Malaysia untuk tempoh berikut:

Tahun	Tempoh Tinggal	Bil. Hari
2006	1/10/2006 – 15/10/2006	15
2007	1/3/2007 – 31/3/2007	31 }
	1/5/2007 – 30/6/2007	61 } 92 hari
2008	1/4/2008 – 15/7/2008	106
2009	1/10/2009 – 31/12/2009	92
2010	1/8/2010 – 30/11/2010	122





- Taraf mastautin Watson adalah seperti berikut:

Tahun	Bil. Hari	Taraf Mastautin	Perenggan
2006	15	Bukan Mastautin	
2007	92	Bukan Mastautin	
2008	106	Bukan Mastautin	
2009	92	Bukan Mastautin	
2010	122	Mastautin	7(1)(c)(ii) ACP 1967





o Untuk tahun asas 2010, Watson adalah pemastautin di Malaysia mengikut subperenggan 7(1)(c)(ii) ACP 1967 sebab :

- beliau berada di Malaysia untuk tempoh-tempoh yang berjumlah lebih 90 hari dalam tahun asas 2010 (122 hari); dan
- untuk 3 daripada 4 tahun asas sebelum, beliau berada di Malaysia untuk tempoh atau tempoh-tempoh berjumlah 90 hari atau lebih (tahun asas 2007, 2008, 2009).



2.2 TARAF MASTAUTIN – PERENGGAN 7(1)(c) ACP 1967

- Seorang individu tidak perlu menjadi pemastautin di Malaysia untuk semua 3 daripada 4 tahun asas sebelum dan tidak perlu berada di Malaysia selama 90 hari atau lebih bagi semua 3 daripada 4 tahun asas sebelum.
- Adalah memadai jika individu itu adalah pemastautin untuk 2 daripada tahun asas tersebut dan berada di Malaysia selama 90 hari atau lebih dalam satu daripada tahun asas itu atau sebaliknya.





○ Contoh 2.11:

- Peter, seorang tukang masak profesional berada di Malaysia untuk tempoh berikut:

Tahun	Tempoh Tinggal	Bil. Hari
2006	1/5/2006 – 20/5/2006	20
2007	1/1/2007 – 31/12/2007	365
2008	1/1/2008 – 21/1/2008	21
2009	1/6/2009 – 31/8/2009	92
2010	1/1/2010 – 30/4/2010	120





- Taraf mastautin Watson adalah seperti berikut:

Tahun	Bil. Hari	Taraf Mastautin	Perenggan
2006	20	Bukan Mastautin	
2007	365	Mastautin	7(1)(a) ACP 1967
2008	21	Bukan Mastautin	7(1)(b) ACP 1967
2009	92	Bukan Mastautin	
2010	120	Mastautin	7(1)(c) ACP 1967





- Untuk tahun asas 2010, Peter adalah pemastautin di Malaysia mengikut subperenggan 7(1)(c) ACP 1967 sebab:
 - beliau berada di Malaysia bagi tempoh berjumlah lebih 90 hari dalam tahun asas 2010 (120 hari); dan
 - dalam 3 daripada 4 tahun asas sebelum, beliau adalah pemastautin (tahun asas 2007 & 2008) dan berada di Malaysia berjumlah 90 hari (tahun asas 2009).



Perenggan
7(1)(d)



Taraf Mastautin

2.2 TARAF MASTAUTIN – PERENGGAN 7(1)(d) ACP1967

Tidak berada di
Malaysia atau berada di
Malaysia untuk tempoh
kurang daripada 90 hari
dalam tahun asas.



2.2 TARAF MASTAUTIN – PERENGGAN 7(1)(d) ACP 1967

- Tidak berada di Malaysia atau berada di Malaysia untuk tempoh kurang daripada 90 hari dalam tahun asas.
- Seorang individu dianggap bermastautin bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran sekiranya individu itu bermastautin untuk tahun asas yang berikutnya dan juga 3 tahun asas sebelum. Oleh itu, individu boleh menjadi pemastautin di Malaysia di bawah perenggan 7(1)(d) ACP 1967 walaupun individu itu langsung tidak berada di Malaysia dalam tahun asas tersebut.





○ Contoh 2.12:

○ Nicholas, seorang pensyarah dari Russia berada di Malaysia untuk tempoh berikut:

Tahun	Tempoh Tinggal	Bil. Hari
2006	11/10/2006 – 31/12/2006	82
2007	1/1/2007 – 31/12/2007	365
2008	1/1/2008 – 30/9/2008	274
2009	1/4/2009 – 4/4/2009	4
2010	1/4/2010 – 31/12/2010	275





- Taraf mastautin Nicholas adalah seperti berikut:

Tahun	Bil. Hari	Taraf Mastautin	Perenggan
2006	82	Mastautin	7(1)(b) ACP 1967
2007	365	Mastautin	7(1)(a) ACP 1967
2008	274	Mastautin	7(1)(a) ACP 1967
2009	4	Mastautin	7(1)(d) ACP 1967
2010	275	Mastautin	7(1)(a) ACP 1967





○ Untuk tahun taksiran 2009, Nicholas adalah pemastautin di Malaysia walaupun tempoh berada di Malaysia hanya 4 hari sebab beliau adalah:

- pemastautin pada tahun asas 2010, iaitu tahun asas berikut; dan
- pemastautin untuk setiap tahun bagi 3 tahun asas sebelum iaitu 2006, 2007 dan 2008.





○ Contoh 2.13:

- Stanley, seorang akauntan dari Hong Kong berada di Malaysia untuk tempoh berikut:

Tahun	Tempoh Tinggal	Bil. Hari
2006	1/1/2006 – 31/10/2006	304
2007	1/1/2007 – 31/12/2007	365
2008	1/1/2008 – 21/1/2008	21
2009	Tidak berada di Malaysia	-
2010	15/5/2010 – 23/12/2010	223





- Taraf mastautin Stanley adalah seperti berikut:

Tahun	Bil. Hari	Taraf Mastautin	Perenggan
2006	304	Mastautin	7(1)(a) ACP 1967
2007	365	Mastautin	7(1)(a) ACP 1967
2008	21	Mastautin	7(1)(b) ACP 1967
2009	-	Mastautin	7(1)(d) ACP 1967
2010	223	Mastautin	7(1)(a) ACP 1967





○ Walaupun Stanley tidak berada di Malaysia dalam tahun asas 2009, beliau adalah pemastautin di Malaysia untuk tahun asas itu sebab beliau adalah:

- pemastautin bagi tahun asas 2010, iaitu tahun asas berikut; dan
- pemastautin untuk setiap tahun bagi 3 tahun asas sebelum iaitu 2006, 2007 dan 2008.




2.2 TARAF MASTAUTIN – PERENGGAN 7(1)(d) ACP 1967

- Warganegara Malaysia yang digaji dalam perkhidmatan awam / badan berkanun [Subseksyen 7(1B) ACP 1967]
- Mulai tahun taksiran 2009, subseksyen 7(1B) ACP 1967 diperkenalkan untuk menganggap warganegara Malaysia sebagai pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk tahun taksiran tertentu jika beliau:



2.2 TARAF MASTAUTIN – PERENGGAN 7(1)(d) ACP 1967

- i. digaji dalam perkhidmatan awam atau perkhidmatan badan berkanun di Malaysia; dan
 - ii. tidak berada di Malaysia pada mana-mana hari dalam tahun asas untuk tahun taksiran tertentu itu disebabkan -
 - a. mempunyai atau menjalankan penggajian beliau di luar Malaysia; atau
 - b. menghadiri sebarang kursus pengajian di mana-mana institusi atau badan profesional di luar Malaysia yang dibiayai sepenuhnya oleh majikan.
- 



○ Contoh 2.14:

○ Ikmal, seorang duta Malaysia ke Amerika Syarikat (USA) berada di Malaysia/USA untuk tempoh

berikut:

Tempoh Tinggal	Negara	Bil. Hari
1/1/2009 – 31/12/2009	USA	365
1/1/2010 – 15/1/2010	Malaysia	15
16/1/2010 – 31/12/2010	USA	350





o Untuk tahun taksiran 2009 dan 2010, Ikmal dianggap bermastautin di Malaysia mengikut subseksyen 7(1B)

ACP 1967 sebab beliau:

- Adalah warganegara Malaysia; dan
- Digaji dalam perkhidmatan awam di Malaysia ; dan
- Menjalankan penggajian di Luar Malaysia disebabkan oleh penggajiannya yang memerlukan beliau menjalankan tugas di luar negara.





○ Contoh 2.15:


- Farah, seorang warganegara Malaysia berkahwin dengan rakyat Perancis dalam tahun 2003. Sejak berkahwin, Farah tinggal di Perancis dan hanya melawat keluarga di Malaysia bagi tempoh kurang 2 minggu setiap tahun.
- Apabila pejabat perwakilan pelancongan Malaysia di Perancis memerlukan seorang penterjemah bahasa Perancis, Farah memohon jawatan tersebut dan telah diambil bekerja pada 1.3.2008.





- Untuk tahun taksiran 2008 dan tahun berikut, Farah tidak dianggap sebagai pemastautin di Malaysia walaupun beliau adalah warganegara Malaysia dan bekerja dengan agensi kerajaan Malaysia di Perancis.
- Ini adalah kerana beliau diambil bekerja di Perancis dan tidak dianggap sebagai pekerja perkhidmatan awam atau badan berkanun di Malaysia.





○ Contoh 2.16:

○ Johan, seorang warganegara Malaysia adalah pekerja

Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar

Malaysia. Beliau dihantar ke Chengdu, China untuk berkhidmat di pejabat perwakilan sebagai pesuruhjaya perdagangan. Beliau berada di Malaysia/China untuk tempoh berikut:

Tempoh Tinggal	Negara	Bil. Hari
1/1/2009 – 31/5/2009	Malaysia	151
1/6/2009 – 31/12/2009	China	214
1/1/2010 – 31/12/2010	China	365






o Untuk tahun taksiran 2009 dan 2010 Johan dianggap pemastautin di Malaysia mengikut subseksyen 7(1B) ACP 1967 sebab beliau:

- a. adalah warganegara Malaysia;
- b. digaji dalam perkhidmatan badan berkanun di Malaysia; dan
- c. menjalankan penggajian di luar Malaysia sebab beliau diperlukan oleh majikannya, sebuah badan berkanun di Malaysia, untuk bekerja di negara China.





○ Contoh 2.17:

○ Taufik, seorang pegawai Kementerian Pelancongan bercuti belajar untuk mengikuti kursus MBA di United Kingdom (UK). Beliau dibiayai oleh Kerajaan Malaysia. Tempoh beliau berada di Malaysia dan UK adalah seperti berikut:

Tempoh Tinggal	Negara	Bil. Hari
1/1/2009 – 1/4/2009	Malaysia	91
2/4/2009 – 31/12/2009	UK	274
1/1/2010 – 31/12/2010	UK	365





o Untuk tahun taksiran 2009 dan 2010, Taufik dianggap pemastautin di Malaysia mengikut subseksyen 7(1B) ACP 1967 sebab beliau:

- a. adalah warganegara Malaysia;
- b. digaji dalam perkhidmatan badan berkanun di Malaysia; dan
- c. Menghadiri kursus di luar Malaysia dan dibiayai sepenuhnya oleh majikannya, kerajaan Malaysia.






○ Contoh 2.18:

- Su Ling, seorang warganegara Malaysia bekerja di sebuah syarikat multinasional di Kuala Lumpur. Selepas bekerja beberapa tahun, beliau mendapat pembiayaan penuh daripada majikannya untuk mengikuti kursus ijazah sarjana muda di Australia. Tempoh beliau berada di Malaysia dan Australia adalah seperti berikut:

Tempoh Tinggal	Negara	Bil. Hari
1/1/2009 – 30/11/2009	Australia	334
1/12/2009 – 31/12/2009	Malaysia	31
1/1/2010 – 10/2/2010	Malaysia	41
11/2/2010 – 31/12/2010	Australia	324





- Untuk tahun taksiran 2009 dan 2010, taraf mastautin Su Ling ditentukan mengikut subseksyen 7(1) ACP 1967.
- Subseksyen 7(1B) ACP 1967 tidak terpakai sebab Su Ling bukan merupakan kakitangan perkhidmatan awam atau badan berkanun di Malaysia.
- Su Ling bukan pemastautin di Malaysia untuk tahun taksiran 2009 dan 2010 mengikut subseksyen 7(1) ACP 1967.

